



**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
BILANGAN 9 TAHUN 2020**

**ARAHAN KERJA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
PROSES KERJA PERMOHONAN PENGAMBILAN HASIL KECIL HUTAN DARI
HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) DAN TANAH KERAJAAN (TK)**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Arahan kerja ini bertujuan untuk menggariskan Proses Kerja Permohonan Pengambilan Hasil Kecil Hutan dari Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan (TK).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Hasil Hutan boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu Hasil Utama Hutan dan Hasil Kecil Hutan. Hasil Kecil Hutan adalah seperti dalam Jadual Kedua Seksyen 2(1) Bahagian B, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]. Senarai Hasil Kecil Hutan adalah seperti berikut:

- (i) Guano: tahi burung dan tahi kelawar;
- (ii) Gambut;
- (iii) Batu-batan: tanah, laterit, tanah gembur, tanah liat, pasir, batu kapur, batu kuarzit, batu granit, habuk granit dan marmar;
- (iv) Pasir laut;
- (v) Pasir sungai;
- (vi) Kerang laut;
- (vii) Pasir kerang;
- (viii) Tanah permukaan;
- (ix) Tumbuh-tumbuhan termasuk pepanjat, anak pokok, buluh, palma, tumbuhan menjalar dan rumput serta semua bahagian atau hasil tumbuh-tumbuhan sedemikian;
- (x) Buah-buahan: Berangan, Durian, Keranji, Kerdas, Petai, Tampoi, Sentul, Kundang, Asam Kandis, Asam Gelugor dan lain-lain;

- (xi) Getah: Jelutung, Taban, Ipoh, Para dan lain-lain;
- (xii) Minyak kayu: Keruing, Kapur, Sepetir dan lain-lain;
- (xiii) Kulit kayu;
- (xiv) Ekstrak kulit;
- (xv) Damar: mata kucing, penak, tenak, hitam dan lain-lain;
- (xvi) Daun: Nipah, Rumbia, Sago, Kajang, Kubin, Bertam, Langkap, Mengkuang, Pisang dan lain-lain;
- (xvii) Madu dan lilin lebah;
- (xviii) Sarang burung boleh makan; dan
- (xix) Sutera dan kokun

2.2 Pada masa kini Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) tiada format khas bagi Borang Permohonan Pengambilan Hasil Kecil Hutan yang seragam untuk diguna pakai di semua Jabatan Perhutanan Negeri.

2.3 Sehubungan itu, satu format Borang Permohonan Pengambilan Hasil Kecil Hutan yang seragam dan boleh digunapakai perlu diwujudkan untuk kegunaan semua Jabatan Perhutanan Negeri. Hal ini secara tidak langsung dapat memastikan urusan pelanggan dan pentadbiran jabatan menjadi lebih efisien.

3.0 SKOP KERJA

3.1 Arahan kerja ini digunakan oleh IPJPSM dan JPN bagi Proses Kerja Permohonan Pengambilan Hasil Kecil Hutan dari Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan (TK).

3.2 Arahan kerja ini juga merangkumi proses permohonan secara atas talian (*online*).

4.0 TANGGUNGJAWAB

4.1 Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM)/Pengarah Perhutanan Negeri (PPN)/Pegawai Hutan Daerah/Jajahan (PHD) adalah bertanggungjawab menentukan arahan kerja kerja ini dipatuhi. Pematuhan ini merangkumi sesiapa jua yang terlibat dengan aktiviti Proses Kerja Permohonan Pengambilan Hasil Kecil Hutan dari Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan (TK).

4.2 Kegagalan mana-mana orang dalam mematuhi pelaksanaan arahan kerja ini boleh dikenakan tindakan undang-undang atau tatatertib.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

5.1 Punca Kuasa

5.1.1 Punca kuasa bagi melaksanakan arahan kerja ini adalah berpandukan sepertimana berikut:

- i. Minit Mesyuarat Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-37 yang telah diadakan pada 29 Oktober hingga 1 November 2017 di Terengganu.
- ii. Minit Mesyuarat Kajian Semula Proses Kerja JPMS yang telah diadakan pada 22 Julai 2018 hingga 24 Julai 2018 di Genting Highlands, Pahang.

5.2 Dasar dan Perundangan

5.2.1 Kerajaan adalah komited dalam memastikan bahawa sumber hutan negara akan dibangunkan secara berkekalan sebagaimana terkandung dalam kenyataan Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978.

5.2.2 Undang-undang yang digunapakai bagi arahan kerja ini ialah Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56], Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] dan Kaedah-Kaedah Hutan.

5.3 Pelaksanaan arahan kerja ini melibatkan pelbagai lapisan perjawatan. Tindakan dan tanggungjawab terhadap proses kerja ini adalah seperti berikut:

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.1	Mengemukakan permohonan mengambil hasil kecil hutan dari Hutan Simpanan Kekal/Tanah Kerajaan kepada Jabatan Perhutanan Negeri (Borang Permohonan/sistem pendaftaran yang diiktiraf oleh jabatan seperti di Lampiran A) yang mengandungi dokumen-dokumen berikut: a) Resit Bayaran Proses (asal); b) Pelan Kawasan Permohonan (asal) berskala 1:50,000; c) Sijil Pendaftaran Kontraktor (salinan); d) Ahli Lembaga Pengarah Koperasi (untuk koperasi sahaja); e) Status Terkini Maklumat Syarikat (SSM); dan f) Salinan Kad Pengenalan.	Pemohon

5.3.2	Menerima dan menyemak dokumen permohonan.	PT
5.3.3	Daftar ke dalam sistem pendaftaran yang diiktiraf oleh jabatan.	PT
5.3.4	Meneliti dan memproses permohonan untuk pertimbangan PPN/TPPN. <i>* perlu disesuaikan mengikut tatacara dan proses yang berkuatkuasa di peringkat negeri.</i>	PPPN
5.3.5	5.3.5.1 Mengeluarkan arahan penyediaan Laporan Kesesuaian Kawasan Permohonan kepada PHD sekiranya permohonan boleh dipertimbangkan.	PPN/TPPN
	5.3.5.2 Mengeluarkan arahan surat penolakan sekiranya permohonan tidak boleh dipertimbangkan.	
5.3.6	Mengeluarkan arahan kepada PPHD/PRH bagi penyediaan Laporan Kesesuaian Kawasan Permohonan kawasan dan mendapatkan ulasan daripada lain-lain agensi kerajaan.	PHD
5.3.7	Mengemukakan Laporan Kesesuaian Kawasan Permohonan kepada PPN.	PHD
5.3.8	Menyemak Laporan Kesesuaian Kawasan Permohonan dan penyediaan kertas kerja bagi pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.	PPN/TPPN
5.3.9	Membentangkan kertas kerja untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.	PPN
5.3.10	Menerima keputusan daripada Pihak Berkuasa Negeri.	PPN
	5.3.10.1 Mengeluarkan surat makluman kelulusan kepada pemohon seperti contoh di Lampiran B .	PPN
	5.3.10.2 Mengeluarkan surat makluman permohonan ditolak kepada pemohon seperti contoh di Lampiran C .	PPN

5.4 Carta aliran Proses Kerja Permohonan Pengambilan Hasil Kecil Hutan dari Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan (TK) adalah seperti di **Lampiran 1**.

6.0 PEMAKAIAN

6.1 Pelaksanaan arahan kerja ini adalah terpakai di peringkat JPN. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat perubahan atau penambahbaikan ke atas arahan kerja yang digariskan, konsultasi dengan IPJPSM perlu diadakan.

7.0 TERMINOLOGI

7.1 Terminologi Proses Kerja Permohonan Pengambilan Hasil kecil Hutan dari Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan (TK) adalah seperti di **Lampiran 2**.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

8.1 Arahan kerja ini berkuatkuasa mulai tarikh Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dikeluarkan.

9.0 PEMBATALAN

9.1 Tidak berkaitan.

10.0 RUJUKAN

10.1 Akta Perhutanan Negara 1984.

10.2 Manual Perhutanan Jilid II.

10.3 Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh : 26 Oktober 2020

**Carta Aliran Proses Kerja
Permohonan Pengambilan Hasil Kecil Hutan**



TERMINOLOGI

- Hasil Hutan
- Hasil Hutan termasuklah:
 - (i) Apabila dijumpai di dalam atau di bawa keluar dari HSK:
 - (a) guano, gambut, batu batan, pasir laut, pasir sungai, kerang laut, pasir kerang dan tanah permukaan.
 - (ii) Apabila di jumpai di dalam atau di bawa keluar dari HSK atau tanah kerajaan:
 - (a) pokok-pokok dan semua bahagian atau hasil pokok yang tidak disebut selepas daripada ini;
 - (b) tumbuh-tumbuhan termasuk pepanjat, tumbuhan menjalar, rumput dan semua bahagian atau hasil tumbuh-tumbuhan sedemikian; dan
 - (c) sutera, kokun, madu/lilin dan sarang burung boleh makan.
 - (iii) Apabila dijumpai di dalam atau di bawa keluar dari HSK, tanah kerajaan, tanah lombong, tanah rizab atau tanah bermilik:
 - (a) kayu, kayu api, arang, getah, getah daun taban, minyak kayu, kulit kayu, ekstrak kulit, damar dan atap.
- Hutan Simpanan Kekal
- Menurut seksyen 2, APN 1984 [Akta 313], HSK ertinya mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan HSK di bawah akta ini. Kawasan tersebut ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan semua hasil hutan dalam kawasan ini adalah milik Kerajaan Negeri.

Tanah Kerajaan - Tafsiran tanah Kerajaan menurut seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56] ialah semua tanah di dalam negeri itu (termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai dan tepi pantai laut, seperti yang termasuk di dalam wilayah negeri itu atau batas perairan wilayah) selain daripada:

- (i) tanah bermilik;
- (ii) tanah rizab;
- (iii) tanah lombong; dan
- (iv) mana-mana tanah yang di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan hutan

SINGKATAN

APN	-	Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]
HSK	-	Hutan Simpanan Kekal
IPJPSM	-	Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
JPN	-	Jabatan Perhutanan Negeri
JPSM	-	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
KKH	-	Kaedah-Kaedah Hutan
KPPSM	-	Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
PBN	-	Pihak Berkuasa Negeri
PHD	-	Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PPHD	-	Penolong Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PPN	-	Pengarah Perhutanan Negeri
PPPN	-	Penolong Pengarah Perhutanan Negeri
PRH	-	Pegawai Renj Hutan
PT	-	Pembantu Tadbir
SSM	-	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TK	-	Tanah Kerajaan
TPPN	-	Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri



JABATAN PERHUTANAN NEGERI.....
 ALAMAT:.....
 No.Tel :
 Email :

**PERMOHONAN MENGAMBIL HASIL KECIL HUTAN DARI HUTAN SIMPANAN KEKAL/TANAH KERAJAAN
 NEGERI :**

(Satu Borang Untuk Satu Hasil Hutan Sahaja dan Diisi Dalam Dua Salinan)

HASIL KECIL HUTAN	(v)
Batu-batan	
Pasir laut	
Pasir sungai	
Tanah permukaan	
Tumbuh-tumbuhan	
Buah-buahan	

HASIL KECIL HUTAN	(v)
Damar	
Daun	
Madu dan lilin lebah	
Lain-lain :	

(Sila tandakan hanya satu (v) pada ruang yang berkenaan)

MAKLUMAT PERMOHONAN

1. Nama Pemohon /Syarikat:
2. Alamat Berdaftar:

3. No. Kad Pengenalan/No. Pendaftaran Syarikat:
4. No. Telefon:(Pejabat).....(Tel. Bimbit)
5. No. Pendaftaran Kontraktor Pembalakan(Jika Berkaitan):
6. Tarikh Luput Pendaftaran Kontraktor (Jika Berkaitan):

MAKLUMAT KAWASAN YANG DIPOHON (Hutan Simpanan Kekal)

1. Hutan Simpan:
2. Kompartmen: Daerah/Jajahan Hutan:
3. Keluasan:(Hektar)

MAKLUMAT KAWASAN YANG DIPOHON (Tanah Kerajaan)

1. Mukim:
2. Daerah:
3. Keluasan:(Hektar)

KEPERLUAN DOKUMEN PERMOHONAN

Bersama- sama ini disertakan dokumen-dokumen lengkap yang berkaitan.

1. Resit Bayaran Proses (asal)
2. Pelan Kawasan Permohonan (asal) berskala 1:50000
3. Sijil Pendaftaran Kontraktor Pembalakan (salinan)
4. Ahli Lembaga Pengarah Koperasi (untuk koperasi sahaja)
5. Status Terkini Maklumat Syarikat (SSM)
6. Salinan Kad Pengenalan

.....
 (Tandatangan Pemohon)
 Nama:
 No. Kad Pengenalan:
 Tarikh:

.....
 Cop Syarikat

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Semakan pejabat mengenai dokumen-dokumen seperti berikut:-

(Sila tanda v)

i.	Resit Bayaran Proses (<i>asal</i>)	
ii.	Pelan Kawasan Permohonan (<i>asal</i>) berskala 1:50000	
iii.	Sijil Pendaftaran Kontraktor Pembalakan(<i>salinan</i>)	
iv.	Ahli Lembaga Pengarah Koperasi (<i>untuk koperasi sahaja</i>)	
v.	Status Terkini Maklumat Syarikat (SSM)	
vi.	Salinan Kad Pengenalan	

Diterima oleh saya
 pada.....haribulan.....20.....jam.....pagi/petang.

.....
 (Tandatangan Pegawai)
 Nama:

Cop Jabatan:

Perhatian:-

1. Borang ini boleh didapati secara PERCUMA di Jabatan Perhutanan Negeri atau boleh dimuat turun di laman sesawang Jabatan Perhutanan Negeri.
2. Sila pastikan Borang Permohonan ditandatangani dan dicop oleh Pengarah Syarikat/ Permohon yang berkenaan sahaja.
3. Semua Bayaran Proses hendaklah dibuat menggunakan Kiriman Wang/ Perintah Juruwang/ Draf Bank di atas nama **BENDAHARI NEGERI/PENGAHAR PERHUTANAN NEGERI**

4. Permohonan ini tidak akan diproses sekiranya borang permohonan tidak lengkap atau maklumat pemohon didapati palsu.
5. Kelulusan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

CONTOH SURAT

Nombor Rujukan
Tarikh

Pengarah/Individu
Nama Syarikat/Individu
Alamat Syarikat/Individu

YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan

KELULUSAN UNTUK MENGAMBIL HASIL KECIL HUTAN (.....) DARI HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI.....BAGI TAHUN.....

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa(sebagai contoh:*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/ Jawatankuasa Sumber Hasil Hutan Negeri/ Jawatankuasa Hasil Bumi Negeri*).....Bil.....bertarikh.....apabila menimbangankan Kertas Mesyuarat Bil..., Majlis telah memutuskan dan bersetuju:

i. Diluluskan lesen mengambil hasil kecil hutan (kuari) kepada YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan di bawah Seksyen 28 Akta Perhutanan Negara 1984 satu kawasan untuk diusahasil seperti berikut:-

- (a) Hutan Simpanan Kekal : Hutan Simpan.....
Daerah/ Jajahan.....
- (b) Kompartmen/Sub kompartmen :.....
- (c) Keluasan :hektar
- (d) Lokasi kawasan : seperti di tanda pelan berkembar
- (e) Tempoh lesen :.....bulan/tahun

ii. Sebelum lesen mengambil hasil kecil hutan (.....) ini diproses, YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah dikehendaki menjelaskan bayaran-bayaran berikut dalam tempoh satu (1) bulan bermula dari tarikh surat ini dan pastikan Pendaftaran Kontraktor YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan masih berkuatkuasa. Semua bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan Kiriman Wang/Perintah Juruwang/*Bank Draf* di atas nama BENDAHARI NEGERI/PENGARAH PERHUTANAN NEGERI

- | | |
|-----------------------------------|---|
| (a) Wang Cagaran | : RM |
| (b) Bayaran Lesen | : RM |
| (c) Bayaran Penandaan
Sempadan | : RM |
| (d) Barayan Premium | :% daripada royalti |
| (e) Bayaran Ses | :% daripada royalti |
| (f) Royalti | :Tertakluk kepada kadar Kaedah-
Kaedah Hutan yang berkuatkuasa |

JUMLAH **RM**

(Perlu disesuaikan mengikut tatacara dan proses yang berkuatkuasa di JPN)

- iii. Selain dari itu, YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan/pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:-
- a. Mendapatkan kelulusan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi aktiviti pengkuarian mengikut keperluan Perintah Kualiti Alam Sekeliling 2015;
 - b. Kelulusan ini hanya membenarkan pengeluaran hasil kecil hutan kuari sahaja;
 - c. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada segala kehendak dalam Peraturan Kuari Negeri.....;
 - d. Menjelaskan bayaran royalti, premium dan ses mengikut kadar yang sedang berkuatkuasa;
 - e. Penggunaan jalan pengeluaran dalam Hutan Simpanan Kekal hendaklah mendapat Permit Jalan daripada Jabatan Perhutanan Negeri.....;
 - f. Menyediakan alat penimbang yang sesuai;
 - g. Menyediakan keperluan Balai Pemeriksaan Hutan (BPH) yang kondusif bagi kegunaan Pegawai BPH yang bertugas;
 - h. Mengemukakan permohonan lanjutan tempoh lesen tidak lewat dari satu (1) bulan sebelum tamat tempoh lesen sedia ada;

- i. Sebelum operasi memecah batu dijalankan YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan dikehendaki melaporkan terlebih dahulu kepada agensi-agensi yang berkenaan seperti Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri....., Pihak Berkuasa Keselamatan, Jabatan Mineral dan Geosains dan lain-lain yang berkaitan;
- j. Mempunyai zon penamparan (*buffer zone*) luaran lebih kurang 600 meter sekeliling perimeter kawasan kuari dan zon penamparan dalaman lebih kurang 40 meter dari sempadan kuari;
- k. Pegawai-pegawai daripada mana-mana Jabatan Kerajaan yang menjalankan tugas-tugas rasmi yang berkaitan dengan operasi pengkuarian hendaklah dibenarkan masuk ke kawasan kuari pada bila-bila masa untuk pemeriksaan dan penguatkuasaan;
- l. YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan hendaklah mengemukakan Laporan Bulanan kepada Pengarah Perhutanan Negeri dan Pengarah Mineral dan Geosains setiap bulan pada atau sebelum 10 haribulan pada bulan berikutnya. Laporan ini hendaklah mengandungi:
 - (i) Keputusan pemantauan kerja peletupan; (jika berkaitan)
 - (ii) Pengeluaran dan penjualan bahan batu;
 - (iii) Penggunaan bahan api dan tenaga kerja; dan
 - (iv) Langkah-langkah mitigasi ke arah pengkuarian mapan.
- m. Segala penimbunan dan pembuangan sisa kuari tidak dibenarkan sama sekali di kawasan simpanan sungai/parit sediaada dan sekurang-kurangnya satu (1) rantai daripada garisan simpanan;
- n. Setelah pengusahasilan selesai dijalankan, adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan untuk menanam semula kawasan-kawasan yang terbuka yang ditetapkan oleh Pegawai Hutan Daerah yang berkenaan dan perlu menjalankan kerja-kerja pemuliharaan tanah kuari bagi memastikan tapak kuari masih boleh dibangunkan untuk kegunaan lain pada masa hadapan;
- o. Mematuhi syarat-syarat dan keperluan-keperluan teknikal Jabatan/Agensi Kerajaan yang berkepentingan dan berkaitan serta sekatan-sekatan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.....dari masa ke semasa;
- p. Kerajaan Negeri berhak membatalkan lesen ini pada bila-bila masa sahaja;
- q. Lesen yang dikeluarkan untuk kawasan kelulusan ini tidak boleh dipinjam atau disandar atau ditukar milik ataupun diberi Surat Kuasa (*Power of Attorney*) kepada pihak yang lain;

- r. Tidak dibenarkan membina bangunan atau struktur kekal selain daripada untuk tujuan mengambil hasil kecil hutan kuari tanpa kelulusan Kerajaan Negeri..... terlebih dahulu;
- s. Operasi Pengkuarian ini hendaklah dilaksanakan mengikut Skim Operasi Pengkuarian (*Operational Quarry Scheme*) yang disediakan oleh Jurutera Perundingan Melombong yang berdaftar dan tertakluk kepada kelulusan oleh JMG;
- t. Kerajaan Negeri tidak memaksa YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan untuk menerima tawaran ini. Sekiranya YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan tidak berpuas hati dengan isi kandungan batu-batan yang terdapat di dalam kawasan yang diluluskan; dan
- u. Kerajaan Negeri juga tidak terikat untuk menimbangkan sebarang rayuan untuk menukar kawasan atau mendapatkan kawasan ganti sekiranya kawasan yang diluluskan ini atau mana-mana bahagiannya adalah kurang atau tidak berhasil.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA PENGARAH PERHUTANAN NEGERI)

Pengarah Perhutanan Negeri

.....

s.k **Pegawai Hutan Daerah/Jajahan.....**

Bersama-sama ini disertakan satu (1) salinan pelan kawasan yang dilulus

CONTOH SURAT

Nombor Rujukan
Tarikh

Pengarah/Individu
Nama Syarikat/Individu
Alamat Syarikat/Individu

YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**PERMOHONAN MENGAMBIL HASIL KECIL HUTAN (.....) DARIPADA HUTAN
SIMPANAN KEKAL DI NEGERI.....BAGI TAHUN.....**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa(sebagai contoh:*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/ Jawatankuasa Sumber Hasil Hutan Negeri/ Jawatankuasa Hasil Bumi Negeri*).....Bil.....bertarikh.....apabila menimbangkan Kertas Mesyuarat Bil..., Majlis telah memutuskan bahawa permohonan YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan **adalah tidak dapat dipertimbangkan dan ditolak.**

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)
Pengarah Perhutanan Negeri
.....

s.k. Pegawai Hutan Daerah/Jajahan.....